

# 10 Tips bagi Penyelam untuk Melindungi Planet Lautan

Penyelam dan lautan tidak boleh dipisahkan. Anda boleh membuat perubahan untuk perlindungan lautan setiap kali anda menyelam, mengembara dan lebih lagi.

## Jadilah Pakar Penyelam

Tumbuhan dan haiwan dalam air adalah lebih rapuh daripada apa yang kita lihat. Seretan sirip, pergeseran dengan kamera anda malah satu sentuhan mampu memusnahkan pertumbuhan karang puluhan tahun, merosakkan tumbuhan atau membahayakan haiwan. Selaraskan gear skuba dan foto anda, pastikan kemahiran menyelam anda sentiasa tajam, sempurnakan teknik foto dalam air anda dan teruskan latihan menyelam anda untuk menambahbaik kemahiran anda. Sentiasa peka dengan tubuh, gear menyelam dan kelengkapan foto anda untuk menghindari sentuhan dengan persekitaran semula jadi.

## Jadilah Model Contoh

Penyelam skuba baharu sentiasa dilatih dan disahkan setiap hari. Tanpa mengira tahap pengalaman anda, pastikan untuk menunjukkan contoh yang baik kepada yang lain apabila berinteraksi dengan alam sekitar – semasa dalam air atau di darat.

## Lindungi Hidupan Dalam Air

Pilih untuk tidak menyentuh, memberi makan, memegang, mengejar atau menunggang apa-apa di dalam air. Tindakan anda akan memberi tekanan kepada haiwan, mengganggu tabiat makan dan mengawan atau membangkitkan kelakuan agresif. Fahami dan hormati hidupan dalam air dan patuhi semua undang-undang dan peraturan tempatan.

## Menjadi Aktivis Sisa Sarap

Jumlah sisa yang berlebihan memenuhi bahagian dalam air sehingga mencapai ke kawasan lautan paling jauh. Ia membunuh hidupan liar, memusnahkan habitat dan mengancam kesihatan dan ekonomi kita. Jangan sia-siakan selaman anda. Alih dan laporkan penemuan bendersing dalam air setiap kali anda menyelam. Laksanakan usaha kesedaran untuk membeli barang yang boleh dikitar semula, membeli barang tempatan, dan jika boleh, mengurangkan pembelian.

## Ambil Tindakan

Penyelam skuba merupakan sebahagian daripada pembela lautan terkuat di planet ini. Kini, ramai penyelam seperti anda mempertahankan lautan. Bersuara untuk pemuliharaan, kongsikan imej dalam air anda, laporkan kerosakan alam sekitar kepada pihak berkuasa dan kumpulkan untuk perubahan.

## Jadilah Pelancong-eko

Buat keputusan bermaklumat apabila memilih dan melawat satu destinasi. Pilih kemudahan yang berdedikasi dalam amalan perniagaan yang bertanggungjawab ke atas alam sekitar dan sosial termasuk penjimatatan air, pengurangan tenaga, pembuangan sisa wajar, penggunaan boyo tambatan dan menghormati budaya, undang-undang dan peraturan tempatan.

## Beri Kembali

Pelindungan lautan bergantung kepada semua tindakan kita, besar dan kecil. Melabur dalam lautan melindungi planet kita dan membolehkan pengembaraan menyelam terus kekal. Menderma atau membuat kutipan dana bagi perlindungan lautan untuk memacu tindakan setempat dan perubahan dasar yang diperlukan untuk memastikan lautan kita bersih dan sihat.

## Hanya Ambil Gambar – Tinggalkan Hanya Buih

Hampir kesemua hidupan semula jadi yang dijumpai dalam air adalah hidup atau akan digunakan oleh makhluk hidup. Jika anda mengambil karang, cangkerang atau haiwan, anda boleh mengganggu keseimbangan halus dan menyumbang kepada pengurangan tapak menyelam untuk generasi masa hadapan.

## Membuat Pilihan Makanan Laut yang Bertanggungjawab

Penangkapan ikan berlebihan membawa kepada kepupusan spesis manakala amalan memancing secara berbahaya akan merosakkan dan mencemarkan ekosistem dalam air. Anda memainkan peranan penting sebagai pengguna. Jika makanan laut adalah sebahagian daripada pilihan makanan anda, pastikan anda memilih sumber spesis yang mapan dan menggalakkan yang lain, termasuk restoran dan pemilik kedai, untuk melakukan perkara yang sama.

## Kurangkan Jejak Kaki Karbon Anda

Pemanasan global dan pengasidan lautan meletakkan haiwan kegemaran anda dan seluruh lautan dalam risiko. Ambil bahagian dengan memahami dan mengurangkan jejak kaki karbon anda dan cari jalan untuk mengimbangi apa yang anda tidak boleh kurangkan.

Terima kasih kerana memberikan planet lautan kita perlindungan yang sewajarnya!  
Teruskan usaha bersama kami di

**PROJECT AWARE.ORG**

